

INDIKATOR KESAHAN DATA DALAM ISLAM

Nor Hanani Binti Ismail
Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV),
Universiti Sains Malaysia,
11800 Pulau Pinang.
ummurifqah@yahoo.com

Abstrak

Kertas kerja ini mempunyai dua tujuan utama. Pertama, mengenalpasti indikator kebenaran berdasarkan kacamata Islam. Kedua, menganalisis indikator kebenaran tersebut sebagai indikator kesahan data bagi penyelidikan berkaitan Islam. Indikator kebenaran di sini merujuk kepada petunjuk aras dalam menentukan sesuatu perkara itu benar mengikut perspektif Islam. Malah indikator tersebut merupakan elemen-elemen yang boleh menghasilkan kebenaran. Berdasarkan asas tersebut, timbul dua persoalan. Pertama, apakah indikator kebenaran mengikut perspektif Islam? Kedua, adakah indikator kebenaran tersebut boleh dijadikan sebagai indikator kesahan data untuk diguna pakai dalam penyelidikan yang berkaitan dengan Islam? Kertas kerja ini berhasrat mencari jawapan kepada kedua-dua persoalan ini berdasarkan analisis tekstual terhadap literatur yang berkaitan. Bagi persoalan pertama, kertas kerja ini mempamerkan 11 indikator kebenaran mengikut perspektif Islam yang ditemui. Bagi persoalan kedua pula, kertas kerja ini merumuskan 13 indikator kesahan data bagi penyelidikan berkaitan Islam berasaskan 11 indikator kebenaran tersebut.

Kata kunci: indikator, kesahan data, kebenaran , penyelidikan berkaitan Islam

PENDAHULUAN

Kertas kerja ini mempunyai dua bahagian utama. Bahagian pertama, perbincangan tentang indikator-indikator kebenaran yang ditemui daripada al-Qur'an dan al-Sunnah. Bahagian kedua, perbincangan tentang indikator kesahan data yang berasaskan indikator kebenaran tersebut. Berikut merupakan perbincangan kedua-dua bahagian itu.

Indikator kebenaran dalam Islam

Indikator kebenaran dalam kertas kerja ini berasaskan dalil-dalil daripada al-Qur'an dan al-Sunnah. Dalil-dalil tersebut berkaitan elemen-elemen yang boleh menghasilkan kebenaran. Semua dalil dianalisis dengan merujuk pandangan ulama muktabar daripada kitab Tafsir dan kitab *Syarh al-Hadith*. Daripada analisis tersebut, elemen-elemen yang boleh menghasilkan kebenaran dikeluarkan. Berikut merupakan perbincangan dalil-dalil yang ditemui mempunyai perbincangan tersebut.

Dalil pertama, firman Allah yang bermaksud:

“Hai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasik membawa suatu berita, Maka periksalah dengan teliti agar kamu tidak menimpa suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu” (al-Hujurat, 49:6)

Mengikut pandangan Ismail Bin Kathir al-Dimashqi (1419H:345) dalam mensyarahkan ayat ini, Allah memerintahkan manusia meneliti berita atau maklumat yang dibawa oleh seorang yang fasik. Penelitian ini dilakukan kerana berita yang dibawa berkemungkinan adalah dusta atau silap. Rentetan dari itu, Ismail Bin Kathir al-Dimashqi (1419H:345) menjelaskan terdapat sekumpulan ulama yang tidak menerima berita yang dibawa oleh seseorang yang (*majhul al-Hal*)⁴³ tidak diketahui hal keadaan peribadi dirinya, kerana beranggapan bahawa orang itu adalah seorang yang fasik. Sebagai contoh Abu Hayyan al-Andalusi (1420 H-a:513) menjelaskan bahawa sikap berhati-hati dalam menerima sesuatu berita merupakan perkara yang wajib. Maka, seseorang yang (*majhul al-Hal*) tidak diketahui hal keadaan peribadinya dianggap sebagai fasik.

Dalam pada itu beliau juga menolak pandangan yang dikemukakan oleh Muqallad Bin Sa’id yang menyebut bahawa penelitian perlu dilakukan terhadap berita yang dibawa oleh sesiapa sahaja, kerana tidak semua Muslim itu sifatnya adil. Menurut Abu Hayyan al-Andalusi (1420 H-a:513), berita yang dibawa oleh seorang yang fasik sahaja yang perlu dibuat penelitian. Manakala berita yang dibawa oleh seorang Muslim tidak perlu dibuat dibuat penelitian. Syarat yang dinyatakan dalam ayat tersebut ialah fasik. Daripada tafsiran ini dapat difahami bahawa semua Muslim itu adil kecuali setelah tergambar keburukannya.

Tidak dinafikan juga terdapat sekumpulan ulama lagi menerima berita daripada seseorang yang tidak diketahui hal keadaan peribadinya. Hal ini kerana Allah memerintahkan orang yang beriman untuk meneliti berita daripada seseorang yang fasik. Seseorang itu tidak dikira sebagai fasik sekiranya tidak diketahui hal keadaan peribadinya (Ismail Bin Kathir al-Dimashqi, 1419H:345).

Sehubungan dengan tafsiran tersebut, Abu Ishaq al-Huwaini (t.t:3) dan Muhammad Amin Bin Muhammad al-Syanqithi (1995:411) menyatakan terdapat hukum *mafhum mukhalafat*⁴⁴ (kefahaman yang bertentangan) daripada ayat tersebut. *Maflum mukhalafat* ialah berita daripada seorang yang adil tidak perlu diteliti malah boleh terus diterima. Ini memberi erti, berita daripada seorang yang adil adalah benar.

Dalil kedua firman Allah yang bermaksud:

⁴⁴ *Maflum mukhalafat* merujuk kepada kefahaman yang bercanggah yang boleh diperolehi daripada sesuatu dalil walaupun kefahaman tersebut tidak terdapat pada zahir dalil. Kefahaman itu dalam bentuk menetapkan atau menafikan sesuatu (Muhammad Bin Ali al-Syawkani, 1999:38).

“Dan Kami tidak mengutus Rasul-rasul sebelummu (Wahai Muhammad) melainkan orang-orang lelaki yang Kami wahyukan kepada mereka (bukan malaikat); maka bertanyalah kamu kepada AhluZikri” jika kamu tidak mengetahui” (al-Anbiyah, 21:7).

Golongan *ahlu zikir* ialah golongan ahli al-Qur'an. Terdapat pandangan yang menyatakan bahawa ahlu zikir ialah ahli kitab yang mengetahui tentang kitab-kitab dan rasul-rasul yang terdahulu. Selain itu ada yang menyatakan ahlu zikir ialah ahli ilmu (Muhammad Bin Syamsiddin al-Qurtubi, 2003:108).

Selain itu, Amar Bin `Abdullah al-Muqbil (2010) membincangkan bahawa ayat tersebut berada pada kaedah “*al-`Ibrah bi `umum al-Lafaz la bi Khusus al-Sabab*” (pengajaran diambil daripada umum lafaz ayat tidak pada khusus sebab tertentu). Ini merupakan kaedah usul al-Tafsir. Oleh itu, ahli zikir tidak hanya tergolong daripada ahli kitab dan ahli al-Qur'an sahaja, malah ahli zikir merupakan golongan ahli ilmu yang sifatnya umum yang merangkumi segala bentuk ilmu.

Rentetan daripada itu, Amar Bin `Abdullah al-Muqbil (2010) menyatakan bahawa ahli zikir ialah ahli ilmu yang terhindar daripada melakukan maksiat, merupakan golongan yang paling bertaqwah, paling berilmu dan paling wara'. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa ahli zikir merupakan golongan pakar yang menguasai ilmu dalam bidangnya dan sifatnya soleh dan wara'. Ilmu yang berhasil daripada golongan ini sudah pasti ilmu yang benar.

Dalil ketiga, firman Allah yang bermaksud:

“Dan (ingatlah) ketika Allah berfirman: "Wahai Isa Ibni Maryam! engkaukah yang berkata kepada manusia: ‘jadikanlah daku dan ibuku dua tuhan selain dari Allah?’" Nabi Isa menjawab: "Maha suci Engkau (Wahai Tuhan)! tidaklah layak bagiku mengatakan sesuatu yang Aku tidak berhak (mengatakannya), jika aku ada mengatakannya, maka tentulah Engkau telah mengetahuinya. Engkau mengetahui apa yang ada pada diriku, sedang Aku tidak mengetahui apa yang ada pada diriMu; kerana sesungguhnya Engkau jualah Yang Maha mengetahui perkara-perkara Yang ghaib” (al-Maidah, 5:116).

Dalam ayat tersebut Allah berbicara kepada Nabi Isa a.s bertujuan menempelak golongan kafir dengan pengakuan yang dibuat oleh Nabi Isa a.s. Pengakuan tersebut membuktikan bahawa beliau menafikan dirinya dan ibunya sebagai tuhan, malah mengakui dan meyakini bahawa Allah adalah Tuhan yang Maha Suci. Sekaligus beliau mengakui kehambaannya dan membuktikan ibadatnya hanya kepada Allah. Beliau melakukan solat sebanyak tiga rakaat bagi menyatakan kesyukuran atas bicara tersebut. Seterusnya bicara itu membuktikan kebenaran serta menafikan pengkhbaran yang dibawa oleh golongan kafir (Sihab al-Din Mahmud Bin `Abdullah al-Alusi, 1415 H:61).

Daripada dalil dan tafsiran ayat ini, dapat difahami bahawa kebenaran sesuatu maklumat atau berita perlu dipastikan dengan merujuk kepada sumber asal. Dengan kata lain maklumat atau berita yang benar perlu mempunyai sandaran daripada sumber asal. Maklumat daripada nabi Isa a.s merupakan sumber asal yang boleh menentukan kebenaran yang jelas digambarkan oleh Allah dalam ayat tersebut.

Dalil keempat, firman Allah yang bermaksud:

Katakanlah (Wahai Muhammad): "Bawalah kemari keterangan-keterangan yang (membuktikan kebenaran) apa yang kamu katakan itu, jika betul kamu orang-orang Yang benar". (al-Baqarah, 2: 111)

Menurut `Abdul Rahman Bin Nasir al-Sa`di (2000:62), tidak dapat tidak seseorang perlu mendatangkan bukti dan dalil berserta keterangan yang dibawanya. Bukti, dan dalil tersebut bertujuan mengesahkan keterangannya. Dengan bukti dan dalil juga boleh menafikan segala keterangan yang dibawa oleh seseorang. Malah tanpa bukti atau dalil, satu keterangan itu boleh dianggap sebagai satu penipuan. Menurut Muhammad Bin Ahmad al-Qurtubi (2003:75), bukti atau bukti yang didatangkan itu mampu memberi keyakinan yang pasti kepada penerima keterangan.

Perkara yang sama dibincangkan Abu Hayyan al-Andalusi (1420 H-b:562-563). Pada beliau, bukti atau dalil itu bertujuan mengesahkan pensabitan dan mengesahkan penafian sesuatu keterangan. Beliau mendatangkan pandangan al-Zamakhshari yang menyatakan bahawa, bukti dan dalil itu merupakan perkara yang paling penting bagi golongan pengikut sesuatu mazhab. Sekiranya sesuatu keterangan atau kata-kata tidak mempunyai dalil, maka ianya ditolak.

Jelas tertonjol daripada tafsiran-tafsiran ini bahawa bukti dan dalil merupakan perkara yang penting dalam mengesahkan sesuatu keterangan. Sekaligus, memberi erti bahawa setiap keterangan perlu mempunyai sandaran yang boleh menyokong dan mengukuhkan keterangan.

Dalil kelima, firman Allah yang bermaksud:

Maksudnya: "*Sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu (Wahai Muhammad) Kitab (Al-Qur'an) dengan membawa kebenaran, supaya engkau menghukum di antara manusia menurut apa yang Allah telah tunjukkan kepadamu (melalui wahyuNya); dan janganlah engkau menjadi pembela bagi orang-orang yang khianat*". (al-Nisa', 4:105)

Menurut `Abdul Rahman Bin Nasir al-Sa`di (2000:199), Allah menurunkan Kitab yakni al-Qur'an yang benar kepada hambaNya dan RasulNya. Terangkum pada Kitab ini segala bentuk kebenaran. Pengkhabaran dan penjelasannya benar, manakala perintah dan larangannya adil pada seluruh umat manusia. Beliau mendatangkan satu ayat Allah bagi menguatkan kenyataan tersebut. Allah berfirman:

Maksudnya: "*Dan telah sempurnalah kalimah Tuhanmu (Al-Qu'ran, meliputi hukum-hukum dan janji-janjiNya) dengan benar dan adil; tiada sesiapa yang dapat mengubah sesuatupun dari kalimah-kalimahNya; dan Dia lah yang sentiasa mendengar, lagi sentiasa mengetahui*". (al-An`am, 6:115)

Sesungguhnya al-Qur'an itu merupakan petunjuk dan rujukan dalam memberi hukum kepada manusia. Selaras dengan itu, `Ali Bin Muhammad al-Khazin (t.t) menjelaskan al-Qur'an itu mempunyai kebenaran, perintah, larangan dan penjelasan. Menerusi al-Qur'an ilmu yang diperolehi merupakan *al-'Ilm al-Yaqini*. *al-'Ilm al-Yaqini* merupakan ilmu yang diberi dan diwahyukan oleh Allah. Pandangan daripada manusia hanya satu sangkaan semata-mata sekiranya tidak didasari dengan al-Qur'an. Dalam pada itu, Sihab al-Din Mahmud Bin `Abdullah al-Alusi (1415 H) menyatakan al-Qur'an juga merupakan ilmu *al-Furqan* iaitu ilmu yang dapat membezakan antara yang benar dan salah. Padanya juga terdapat penjelasan yang sempurna.

Jelas daripada tafsiran ini, kebenaran boleh diperolehi daripada al-Qur'an. Ilmu yang terdapat dalam al-Qur'an merupakan ilmu yang benar. Menjadi satu kewajipan ke atas manusia untuk meneliti ilmu dan mengambil ilmu daripada al-Qur'an.

Dalil keenam, firman Allah yang bermaksud:

Maksudnya: “*Dan sesiapa yang menentang (ajaran) Rasulullah sesudah terang nyata kepadanya kebenaran pertunjuk (yang dibawanya), dan ia pula mengikut jalan yang lain dari jalan orang-orang yang beriman, Kami akan memberikannya kuasa untuk melakukan (kesesatan) yang dipilihnya, dan (pada hari akhirat kelak) Kami akan memasukkannya ke dalam neraka jahanam; dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali*”. (al-Nisa` , 4:115)

Berkata Muhammad Mutawalli al-Sya`rawi (t.t:2630-2631), kebenaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW ialah keimanan kepada Allah sebagai Pencipta dan Tuhan serta Rasulullah SAW sebagai pesuruhNya. Kekuatan akal tidak mampu mencapai tahap kebenaran ini kecuali dengan keterangan daripada Rasulullah SAW. Kebenaran memerlukan jalan dan manhaj yang benar untuk sampai kepadanya. Dengan manhaj dan jalan daripada Rasulullah SAW mampu mencapai kepada kebenaran tersebut.

Selaras dengan itu, beliau juga berhujah dengan firman Allah:

Maksudnya: “*Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah, dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa*”. (al-An`am, 6:153)

Jelas tertonjol daripada ayat ini bahawa kebenaran hanya boleh diperolehi melalui jalan atau manhaj yang satu. Sesiapa yang terkeluar daripada jalan atau manhaj tersebut, maka dia tidak akan mendapat sebarang kebenaran. Jalan atau manhaj yang dibawa oleh Rasulullah SAW mempunyai kebenaran. Ini sekaligus memberi erti, ilmu yang benar boleh diperolehi menerusi Sunnah Rasulullah SAW.

Dalil ketujuh Rasulullah SAW bertanya kepada Mu`az bin Jabal:

“Dengan apa kamu berhukum? Jawabnya dengan Kitab Allah. Nabi bertanya lagi: Jika kamu tidak dapati dalam Kitab Allah?. Jawabnya: Aku menghukum dengan apa yang diputuskan oleh Rasulullah. Rasulullah bertanya: Jika kamu tidak dapati keputusan Rasulullah?. Jawabnya aku berijtihad dengan pandanganku. Jawab Rasulullah S.A.W: segala puji bagi Allah yang telah memberi taufik kepada utusan RasulNya” (Riwayat Abu Daud, No. Hadith 3594).

Daripada Hadith ini, Rasulullah SAW memberi keharusan bagi seorang yang layak untuk berijtihad dengan menggunakan pandangan akal yang benar. Baginya satu pahala sekiranya ijtihad itu tidak tepat. Hal ini disebabkan niatnya untuk mencari kebenaran serta mengikuti al-Qur'an dan al-Sunnah serta prinsip yang terdapat dalam Islam. Perkara ini, selaras dengan perihal para sahabat yang juga melakukan ijtihad pada beberapa hukum dalam syariat (al-Azim Abadi, 1415H:370).

Dalam pada itu, menurut Muhammad Bin Ali al-Syawkani (1999:99-100), Hadith tersebut merupakan dalil bagi penggunaan Qiyyas dalam menghasilkan sesuatu hukum. Qiyyas merupakan ijtihad akal. Kefahaman yang berhasil melalui Qiyyas tidak dapat tidak berpunca daripada al-Qur'an dan al-Sunnah. Oleh itu, tidak boleh jika dikatakan bahawa sesuatu hukum atau ilmu tidak terdapat di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Bahkan ilmu atau hukum yang berhasil daripada penggunaan akal adalah berdasarkan daripada al-Qur'an dan al-Sunnah.

Dalil kelapan Rasulullah S.A.W menyebut:

“Kamu harus mengikuti Sunnahku dan sunnah para khulafa’ yang dipilih sesudahku. Berpegang teguh padanya, dan gigitlah ia dengan gigi garham” (Riwayat al-Baihaqi, No. Hadith 7516).

Rasulullah SAW meminta umat Islam untuk mengikuti jalan dan pedoman Rasulullah SAW yang merangkumi akidah dan amalan syariat. Kemudian Rasulullah SAW meminta umat Islam untuk mengikuti jalan dan pedoman yang dibawa oleh *al-khulafa’ al-Rasyidun*. Ini kerana jalan *al-Khulafa’ al-Rasyidun* sama sekali tidak akan menyalahi sunnah dan pedoman yang di bawa oleh Rasulullah SAW. Pengamalan, pengkaedahan, dan pedoman yang di pegang oleh *al-Khulafa’ al-Rasyidun* mesti menjadi landasan untuk diikuti oleh umat Islam (Muhammad Abdul Rahman al-Mubarafuri, t.t). Dalam pada itu `Ali Bin Muhammad al-Mawardi (1994:172) mengaitkan Hadith ini dengan Ijma` para ulama. Beliau menjadikan Hadith ini sebagai sandaran Ijma` dalam memperolehi sesuatu hukum.

Tafsiran ini jelas menggambarkan al-Qur'an al-Sunnah dan manhaj para khulafa' yang terdapat padanya Ijma`, Qiyyas dan prinsip-prinsip agama yang lain mesti mendasari segala bentuk perbincangan ilmu. Walaupun ilmu itu sifatnya luas namun manhaj Rasulullah SAW dan manhaj al-Khulafa' al-Rasyidun mesti menjadi skop perbincangan yang luas itu. Ilmu yang tidak terkeluar daripada manhaj Rasulullah SAW dan manhaj al-Khulafa' al-Rasyidun diterima sebagai ilmu yang benar.

Dalil kesembilan, firman Allah yang bermaksud:

Maksudnya: “*Ketika ia berkata kepada bapanya dan kaumnya: "Apakah hakikatnya patung-patung ini yang kamu bersungguh-sungguh memujanya?"*”.(al-Anbiya` , 21:52)

Berdasar dalil keempat belas ini, `Abdul Rahman Bin Nasir al-Sa`di (2000:525) menyebut tentang penggunaan akal dalam memperolehi kebenaran. Seseorang tidak akan menyembah sesuatu yang dibuat oleh tangannya sendiri sekiranya menggunakan akal yang sejahtera. Perkara yang sama dinyatakan oleh Muhammad Bin `Ali al-Syawkani (1414 H:486) dalam menjelaskan ayat yang berkaitan. Kesesatan yang jelas nyata itu tidak dapat diterima bagi mereka yang menggunakan akal. Seperti mana kaum nabi Ibrahim menyembah patung-patung yang mereka ukir. Malah patung-patung tersebut langsung tidak boleh memberi manfaat dan mudarat kepada mereka.

Tafsiran ini sekaligus memberi erti, penggunaan akal yang sejahtera adalah penting dalam memastikan sesuatu kebenaran. Akal yang sejahtera sama sekali tidak akan bercanggah dengan sesuatu yang benar.

Dalil kesepuluh, firman Allah:

Maksudnya: “*Dan ia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, (sebagai rahmat pemberian) daripadanya; sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kemurahan dan kekuasaanNya) bagi kaum yang memikirkannya dengan teliti*” (al-Jathiyah, 45:13).

Manusia dituntut untuk meneliti, memahami dan mengkaji kandungan a-Qur'an dengan menggunakan akal yang sejahtera. Justeru, kefahaman yang terhasil daripada situ merupakan kebenaran dan petunjuk. Kebenaran dan petunjuk itu merupakan peringatan bagi golongan yang berakal (Muhammad al-Amin Bin Muhammad al-Mukhtar al-Syanqiti, 1995:344). Allah meminta manusia untuk berfikir dan membuat penelitian yang mendalam. Melalui proses tersebut, kebenaran dapat dijelaskan lagi dengan sejelas-jelasnya. Kerana itu, Allah memulakan ayat-ayat tersebut dengan perkara yang perlu difikirkan kemudian baru diminta untuk berfikir. Perkara yang perlu difikirkan ialah wahyu. Ini memberi erti bahawa sebelum melakukan proses berfikir, mesti dimulai dengan wahyu kerana tujuannya untuk menjelaskan kebenaran yang sudah ada pada wahyu.

Dalil kesebelas. Firman Allah:

Maksudnya: “*Dan tiap-tiap berita dari berita Rasul-rasul itu, Kami ceritakan kepadamu (Wahai Muhammad), untuk menguatkan hatimu dengannya. dan telah datang kepadamu dalam berita ini kebenaran dan pengajaran serta peringatan bagi orang-orang yang beriman*” (Hud, 11: 120).

Al-Qur'an menyeru manusia supaya menyemak sejarah agar manusia memperolehi pelajaran dan hikmah (Jamal Badi & Mustapha Tajdin, 2005:8) di samping membaiki perilaku dan menyelaraskannya dengan ketentuan takdir (Khurshid Ahmad: 2007)⁴⁵. Melalui penelitian terhadap sejarah juga, manusia mampu mengenal dirinya. Manusia mengenal diri sebagai khalifah yang mesti melaksanakan suruhan Allah dalam sejarah hidupnya (Isma'il Raja Al Faruqi, 2014:44). Berdasarkan fungsi ini, sejarah yang benar dilihat mampu memberikan kebenaran.

Jadual 1: Rumusan Indikator-Indikator Kebenaran Yang Ditemui Berdasarkan Dalil Dalil Yang Berkaitan.

Dalil-Dalil Daripada Al-Qur'an dan Al- Indikator Kebenaran Yang Ditemui Sunnah

Dalil pertama	Keadilan
Dalil kedua	Kepakaran
Dalil ketiga	Sumber asal
Dalil keempat	Mempunyai dalil atau bukti
Dalil kelima	Al-Qur'an
Dalil keenam	Al-Sunnah
Dalil ketujuh	Qiyas atau penggunaan akal yang berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah
Dalil kelapan	Ijma'
Dalil kesembilan	Logik akal atau rasional
Dalil kesepuluh	Penelitian yang mendalam dan uji kaji secara empirikal
Dalil kesebelas	Fakta sejarah yang benar

Indikator kebenaran sebagai indikator kesahan data bagi penyelidikan berkaitan Islam

⁴⁵ Dipetik daripada M. Umer Chapra (2010) dalam bukunya Peradaban Muslim: Penyebab Keruntuhan & Perlunya Reformasi, terjemahan Ikhwan Abidin Basri.

Perbincangan pada bahagian ini meneliti indikator-indikator kebenaran yang ditemui untuk dijadikan asas bagi pembinaan indikator kesahan data khususnya bagi penyelidikan berkaitan Islam. Berikut merupakan perbincangan setiap indikator tersebut.

Indikator keadilan

Dalam konteks kesahan data, indikator ini boleh dikaitkan kepada tiga golongan. Pertama, responden yang adil. Kedua, penulis yang adil. Ketiga, penyelidik yang adil. Berikut merupakan perbincangan tentang ketiga-tiga golongan ini.

Golongan pertama ialah responden yang adil. Adil di sini merujuk kepada responden yang menunaikan tanggungjawab agama serta menjaga hubungan dengan Allah dan manusia. Responden tidak melakukan perkara keji dan fasik serta tidak melakukan perkara yang boleh menjatuhkan maruah.

Responden yang sesuai dipilih dalam konteks ini ialah responden bagi temubual mendalam. Mereka terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang tertentu. Bilangan mereka tidak ramai. Selain daripada meneliti tentang kepakaran mereka, keperibadian mereka juga boleh diteliti sama ada adil atau sebaliknya. Responden yang berada dalam kelompok yang besar agar sukar untuk ditentukan keadilan mereka, namun menurut Muhammad Syukri Salleh (2013)⁴⁶ penyelidikan tentang hal ini boleh diteruskan berasaskan kaedah-kaedah yang pernah diaplikasikan oleh sarjana terdahulu. Abdullah Abdul Ghani (2014)⁴⁷ pernah menyatakan bahawa Imam al-Syafi`ie menjalankan kajian lapangan (empirical study). Imam al-Syafi`ie melakukan kajian untuk menentukan bilangan hari bagi wanita yang datang haid. Beliau menemubual wanita dalam kelompok yang besar sehingga akhirnya dapat menentukan tempoh haid wanita bagi mazhab Syafi`ie. Berdasarkan idea ini, pengkaji berpendapat bahawa kaedah Imam al-Syafi`ie ini boleh dijadikan asas bagi pemilihan responden untuk kelompok yang besar⁴⁸.

Golongan kedua ialah penulis yang adil. Pemilihan penulis-penulis yang adil juga boleh menentukan kesahan tulisan mereka. Buku, jurnal, tesis, dan dokumen-dokumen yang ditulis oleh penulis-penulis yang adil akan menghasilkan tulisan yang benar dan tepat. Kriteria keadilan tersebut merupakan antara faktor yang menjadikan tulisan mereka itu benar dan tepat.

Indikator keadilan ini tidak terdapat pada responden atau penulis yang bukan Muslim. Responden atau penulis yang bukan Muslim tidak boleh menjadi sumber data bagi penyelidikan berkaitan Islam. Menurut pandangan pengkaji, penyelidikan yang berkaitan Islam perlu

⁴⁶Muhammad Syukri Salleh memberi syarahan di Pusat Pengajian Perakaunan Universiti Utara Malaysia pada 16 Disember 2013. Tajuk syarahan beliau ialah Islamic Research: The Need and Present State.

⁴⁷Abdullah Abdul Ghani merupakan salah seorang pensyarah dan peserta yang menghadiri syarahan yang disampaikan oleh Muhammad Syukri Salleh pada 11 Mac 2014 di Auditorium Hall Perpustakaan Sultanah Bahiyah Universiti Utara Malaysia. Tajuk syarahan tersebut ialah Metodologi Penyelidikan Islam.

⁴⁸ Pandangan ini juga dibincangkan bersama Muhammad Syuri Salleh dan 3 orang rakan PhD yang lain pada 20 Mac 2014 di Hotel Rizqun Negara Brunei Darussalam semasa sesi tazkirah subuh.

dibincangkan oleh orang Islam. Jadi, sumber dapatan daripada bukan Islam tentang penyelidikan berkaitan Islam, masih diragui lagi kesahannya mengikut kaca mata Islam. Hal ini dibuktikan dengan kajian-kajian yang dilakukan oleh (Muhammad Syukri Salleh, 2011)⁴⁹, (Zakaria Bahari, 2012)⁵⁰ dan (Radieah Binti Mohd Nor, 2014)⁵¹. Menerusi kajian-kajian tersebut dapat dirumuskan bahawa sumber-sumber maklumat daripada penulis bukan Islam tentang sesuatu konsep dalam penyelidikan adalah tidak tepat dan tidak benar sekiranya dianalisis menerusi perspektif Islam.

Walaupun begitu, terdapat dua keadaan yang membolehkan sesuatu data itu diambil daripada responden atau penulis yang bukan Muslim. Pertama, data tersebut bukan berkaitan dengan ilmu agama dan ianya merupakan hasil-hasil ilmu alam yang tidak mempunyai hubungan dengan akidah dan pemikiran pemiliknya. Hasil-hasil tersebut merupakan ilmu hukum alam umum yang bersifat universal. Ilmu tersebut dapat dikuasai oleh orang Mukmin atau kafir. Hukum alam ini juga berlaku untuk orang baik dan jahat. Oleh itu, tidak berdosa bagi seorang Muslim untuk menimba ilmu-ilmu alam seperti perubatan, kimia dan astronomi. Sekiranya ilmu itu mempunyai hubungan dengan agama, nilai dan pemahaman yang boleh mempengaruhi pandangan tentang Tuhan, alam, manusia, sejarah dan masyarakat, maka ilmu tidak boleh diterima (Yusuf al-Qaradawi, 2000:259-260). Penghujahan ini berasaskan pada satu Hadith berikut.

Rasulullah SAW bersabda⁵²:

“Al-Hikmah (kebijaksanaan) itu adalah seperti barang yang hilang bagi umat Islam, lalu di mana umat Islam menjumpainya, maka mereka lah yang paling layak untuk mengambilnya” (Riwayat al-Tarmizi, No. Hadith 2611).⁵³

Kedua, data yang diperolehi menerusi pemerhatian serta tidak diproses⁵⁴ atau dianalisis lagi. Data ini tidak mempunyai unsur-unsur luar yang mungkin akan mempengaruhi data. Unsur-unsur luar ini seperti pandangan atau pemikiran responden atau penulis terhadap data yang

⁴⁹ Muhammad Syukri Salleh (2011) mengkaji tentang aliran pemikiran ekonomi Islam Melayu. Beliau menolak aliran pemikiran akomodatif-modifikasi dan eklektisme metodologik yang menggabungkan antara prinsip Syariah dan ekonomi konvensional. Pada beliau aliran seperti ini tetap bercanggah dengan Islam kerana aliran seperti ini masih bertunjangan kepada falsafah konvensional. Falsafah konvensional sama sekali bercanggah dengan Islam.

⁵⁰ Zakaria Bahari (2012) menerusi kajiannya telah mendapat wujud kecacatan dalam ekonomi Islam disebabkan unsur-unsur yang diambil daripada ekonomi konvensional untuk diguna pakai dalam ekonomi Islam.

⁵¹ Radieah Binti Mohd Nor (2014) menyatakan bahawa konsep kemiskinan yang diambil daripada sumber konvensioanl sama sekali berbeza dengan konsep kemiskinan daripada perspektif Islam. Konsep kemiskinan konvensional lebih menumpukan kepada unsur fizikal semata-mata. Konsep kemiskinan dalam Islam merujuk kepada unsur fizikal dan spiritual.

⁵² Hadith ini dilihat sangat lemah mengikut pandangan Syeikh Nasiruddin al-Albani, namun menurut Yusuf al-Qardhawi maksud Hadith ini tepat dan disokong oleh dalil-dalil daripada al-Qur'an dan Hadith lain (thaqafatuna) . Contohnya tindakan Rasulullah SAW memanfaatkan orang-orang Musyrik yang tertawan dalam perang Badar. Mereka disuruh mengajar menuulis anak-anak orang Islam (Yusuf al-Qaradawi, 2000:259).

⁵³ Pada pandangan pengkaji, al-Hikmah itu tidak bercanggah dengan Islam daripada segi falsafah, makanisme dan operasinya. Persoalannya, sejauh mana ilmu yang diambil daripada bukan Islam itu benar-benar al-Hikmah daripada sudut falsafahnya, makanisme dan operasinya?

⁵⁴ Memproses data dalam konteks ini merujuk kepada membuat kod, tema, kumpulan atau klasifikasi terhadap data-data yang diperolehi menerusi pemerhatian.

diperolehi menerusi pemerhatian tersebut. Sekiranya wujud unsur luar ini, maka data tersebut tidak seharusnya diterima.

Golongan ketiga ialah golongan penyelidik. Penyelidik mesti menunaikan segala tanggungjawab dan suruhan agama yang wajib ke atasnya. Penyelidik juga mesti menjaga hubungan dengan Allah dan menjaga hubungan sesama manusia. Selain itu, perkara-perkara maksiat dan mungkar mesti dihindari sepanjang menjalankan penyelidikan. Penyelidik akan menerima data dan menganalisis data. Maka elemen keadilan perlu ada pada diri penyelidik bagi memastikan data yang dikeluarkan adalah benar dan tepat mengikut kaca mata Islam. Kebenaran itu tidak ditentukan oleh penyelidik malah kebenaran itu ditentukan dan diberikan oleh Allah. Jadi, penyelidik mesti menjaga hubungan dengan Allah. Berdasarkan firman Allah:

Maknanya: “*Demi sesungguhnya, Kami telah menurunkan ayat-ayat yang menerangkan (hakikat kebenaran dengan berbagai dalil dan bukti); dan Allah memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa Yang dikehendakiNya ke jalan Yang lurus*” (al-Nur, 24: 46).

Indikator kepakaran

Sekiranya diteliti daripada konteks indikator kesahan data indikator kepakaran ini boleh dibahagikan kepada dua golongan. Pertama, golongan responden yang pakar. Kedua, golongan penulis yang pakar.

Kepakaran dalam konteks ini merujuk kepada kemampuan intelektual seseorang dalam menguasai sesuatu bidang ilmu. Golongan pakar berperanan membuat pengesahan tentang ketepatan dan kebenaran sesuatu kerangka konseptual atau menjawab persoalan-persoalan yang berkaitan dengan kajian. Kepakaran yang ada pada mereka menjadikan pandangan, pemikiran dan idea yang diberikan merupakan data-data yang benar dan tepat.

Kemampuan intelektual seseorang pakar di sini mesti seiring dengan indikator keadilan yang dibincangkan sebelum ini. Keadilan menjadikan seorang pakar itu tawaduk dengan kepakaran yang dimilikinya. Hal ini sekaligus mengundang rahmat dan keberkatan Allah untuk dirinya dalam menyampaikan idea, pandangan, pemikiran mahupun ilmu. Sekiranya wujud unsur keberkatan, maka pemikiran, idea dan pandangannya akan menjadi tepat dan benar mengikut landasan Islam. Hal ini boleh dibuktikan dengan merujuk pengertian berkat itu sendiri. Berkat berasal daripada perkataan barakah. Barakah merujuk kepada kepastian kebaikan di sisi Allah pada sesuatu perkara (Umar Abdullah Kamil, 2005:391). Apabila sesuatu itu mempunyai kebaikan di sisi Allah, sudah pasti wujud keberkatan pada perkara tersebut. Sekiranya ada keberkatan, maka wujud kebenaran di situ. Data yang sah boleh diperolehi daripada pakar tersebut.

Indikator sumber asal

Dalam konteks kesahan data, merujuk sumber asal mampu memberikan ketepatan dan kebenaran. Misalnya penyelidik mempunyai komunikasi peribadi (personal communication) dengan penulis. Melalui komunikasi peribadi para penyelidik dapat memastikan kefahaman yang

benar dan tepat daripada sumber pertama. Misalnya para penyelidik boleh menghubungi penulis dan mengadakan komunikasi secara tidak formal bagi menyatakan tentang kefahaman penyelidik berkaitan tulisan yang dibacanya. Dengan itu, kefahaman yang benar dan tepat seperti yang dimaksudkan oleh penulis dapat diperolehi. Penyelidik juga secara tidak langsung akan memperolehi maklumat-maklumat tambahan daripada penulis yang tidak dinyatakan dalam tulisannya. Malah terdapat kata hikmah yang menyebut, sesiapa yang berguru dengan kitab, maka kesilapannya adalah lebih banyak daripada kebenaran (Abdul Fattah Abu Ghuddah, 2009:23).

Komunikasi peribadi termasuklah surat, memo, email, temubual peribadi dan perbualan telefon (Publication Manual of the American Psychological Association, 2014). Komunikasi peribadi boleh diaplikasikan khususnya ketika proses pengumpulan data secara dokumentasi. Pendekatan ini dilihat mampu memberikan kesahan sesuatu data yang diperolehi.

Indikator bukti atau dalil

Dalam konteks kesahan data, bukti atau dalil merupakan sandaran. Setiap kebenaran itu perlu mempunyai sandaran. Sandaran utama dalam Islam ialah al-Qur'an dan al-Sunnah kerana pada keduanya mempunyai kebenaran. Malah kebenaran ini boleh dibuktikan secara saintifik. Dalam al-Qur'an Allah mengkhabarkan tentang tujuh lapis langit. Apabila mengkaji atmosfera bumi, ditemui bahawa atmosfera bumi terbina daripada tujuh lapisan. Malah terdapat sempadan yang memisahkan satu lapisan dengan lapisan yang lain dan juga terdapat perbezaan suhu. Lapisan pertama, Troposfera. Suhu pada lapisan ini ialah 6.5°C setiap satu kilometer bergantung kepada altitude. Lapisan kedua, Stratosfera. Suhu pada laipsan ini 0°C . Lapisan ketiga, ialah Mesosfera. Suhu pada lapisan ini jatuh kepada -100°C (Harun Yahya, 2006:165).

Seterusnya lapisan keempat dinamakan sebagai Termosfera. Suhu meningkat dengan kadar perlahan. Lapisan kelima, Inosfera. Gas-gas pada lapisan ini ditemui dalam bentuk ion. Lapisan ini berperanan membantu memantulkan gelombang radio. Lapisan keenam disebut Eksosfera. Sifat pada lapisan ini berubah selaras dengan aktiviti matahari. Lapisan ketujuh, Magnetosfera. Di sini merupakan medan megnet bumi yang mempunyai zarah-zarah subatom beras elektrik (Harun Yahya, 2006:165). Kajian saintifik ini bertepatan dengan ilmu yang terkandung dalam al-Qur'an.

Hal yang sama sekiranya diteliti pada Hadith. Ilmu yang terkandung pada Hadith atau Sunnah itu boleh dipastikan kebenarannya dengan bukti daripada kajian saintifik. Penemuan mendapati penentuan kadar alkohol yang dibenarkan dalam Islam boleh diteliti berdasarkan sebuah Hadith Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Daripada Yahya Bin ‘Ubaid. Abu Umar al-Bahrani, dia berkata: “aku mendengar Ibn Abbas berkata: “ Biasanya Rasulullah SAW dibuatkan nabidh (air rendaman dari buah kurma, kismis atau anggur) pada permulaan malam, dan baginda meminumnya pada waktu pagi, hari itu dan malamnya, pada pagi (esoknya) dan malam berikutnya. Serta

keesokkannya lagi sampailah Asar. Jika masih berbaki, baginda berikan kepada khadam (pelayan) dan Baginda suruh membuangnya” (Riwayat Muslim, No. Hadith 3740).

Kajian mendapati bahawa kandungan alkohol (etanol) yang terhasil pada hari ketiga proses fermentasi telah mencapai tahap kandungan yang boleh memudaratkan peminum. Berdasarkan kiraan jam, tempoh masa pemeraman tersebut adalah 72 jam. Justeru kadar alkohol yang dibenarkan jelas boleh diperolehi daripada Hadith *nabidh* ini dan diperkuatkannya dengan penemuan saintifik. Kajian ini sekaligus membenarkan ilmu yang terdapat pada Hadith *nabidh* (Mohammad Aizat Jamaludin, Mohd Anuar Ramli, & Mohd Mahyuddin Mohd Salleh, 2013:9-10).

Selain itu, sandaran juga boleh dirujuk kepada sumber yang berautori. Sekiranya tidak merujuk pandangan atau ijihad ulama yang muktabar, data tersebut tidak diterima sebagai data yang sah dalam kajian ini. Hal ini berasaskan pandangan Mahmud Zuhdi yang diambil daripada tulisan Ridzuan Ahmad (2012:85). Mahmud Zuhdi menyatakan Imam al-Syafi`ie menerima pandangan atau ijihad para sahabat mengikut keutamaan. Beliau menerima pandangan atau ijihad yang sama seperti pemahaman al-Qur'an dan al-Sunnah. Kemudian, beliau menerima pandangan atau ijihad yang pernah dipilih oleh khalifah-khalifah Abu Bakar, Umar dan Uthman. Ini kerana pandangan mereka lebih teruji. Pada akhirnya barulah beliau akan berijihad dengan pandangannya. Ini memberi erti bahawa sebelum seseorang yang memberikan pandangan, tidak dapat tidak dia mesti merujuk terlebih dahulu pandangan ulama-ulama yang muktabar khususnya dalam bidang yang dikaji.

Indikator penggunaan akal yang berasaskan al-Qur'an dan al-Sunnah (Qiyas)

Al-Qur'an dan al-Sunnah merupakan sumber ilmu yang utama dan merangkumi segala aspek ilmu. Ilmu yang bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah akan menghasilkan pedoman dan petunjuk yang merupakan kebenaran. Oleh itu, sesuatu penyelidikan yang dilakukan mesti bermula dengan wahyu sebelum uji kaji atau penelitian *aqliyyah* dilakukan. Uji kaji dan penelitian `*aqliyyah* yang dilakukan mesti seiring dengan kandungan wahyu. Hasil yang diperolehi daripada penyelidikan tersebut ialah kebenaran.

Dalam menjalankan penyelidikan perlu meyakini bahawa Allah yang memberi ilmu yang benar. Uji kaji dan penelitian `*aqliyyah* semata-mata tidak mampu menghasilkan ilmu yang benar. Allah pemilik segala ilmu, Dia juga yang memberi faham ilmu yang benar kepada manusia.

Indikator Ijma'

Sesuatu data (khususnya yang bersifat ilmu) tidak sah sekiranya bercanggah dengan Ijma' ulama. Ijma' merujuk kepada kesepakatan seluruh para *mujtahidin* (ahli ijihad) dalam kalangan umat Muhammad SAW, selepas kewafatan baginda, pada mana-mana zaman, mengenai sesuatu hukum syarak. Ijma' dilakukan oleh golongan *mujtahid* bukan dalam kalangan orang awam. Ijma' tidak terjadi sekiranya kesepakatan itu daripada sebahagian besar *mujtahid* sahaja. Ijma'

juga tidak terjadi sekiranya kesepakatan itu hanya terjadi dalam kalangan *mujtahid* Madinah, *mujtahid* Mekah atau *mujtahid* Mesir sahaja (Wahbah al-Zuhaili, 1999:46).

Tidak juga dinamakan Ijma' sekiranya kesepakatan itu daripada *Khulafa' al-Rasyidin* yang empat sahaja atau dalam kalangan *mujtahid ahli bait* (ahli keturunan Rasulullah SAW). Bahkan Ijma' ialah kesepakatan seluruh *mujtahid* dalam kalangan umat Nabi Muhammad SAW pada mana-mana zaman. Oleh sebab itu, Ijma' menjadi salah satu sumber perundangan Islam dan mustahil wujudnya kesilapan pada Ijma` (Wahbah al-Zuhaili, 1999:46). Apabila data bercanggah dengan Ijma', maka data itu tidak benar. Data tersebut ditolak.

Sesuatu data yang bercanggah dengan Ijma' adalah tidak sah. Data yang bercanggah dengan ijtihad yang tidak menjadi Ijma' boleh diterima sebagai data yang benar. Data tersebut mestilah berada dalam lingkungan prinsip ahli Sunnah wa al-Jama`ah khususnya mazhab yang empat serta memenuhi semua indikator kesahan data yang dibincangkan ini.

Indikator fakta sejarah

Sekiranya dilihat daripada konteks kesahan data, fakta sejarah yang benar mampu menentukan sesuatu data itu benar dan tepat. Penelitian yang dilakukan terhadap sejarah ialah penelitian yang bersifat tersurat, bukan penelitian yang bersifat tersirat. Penelitian yang bersifat tersurat ialah penelitian terhadap peristiwa sejarah itu sendiri bukan terhadap tafsiran-tafsiran peristiwa sejarah.

Tafsiran-tafsiran peristiwa sejarah yang dilakukan oleh pakar sejarah, mungkin akan menghasilkan pelbagai pandangan. Di sebabkan kepelbagaiannya ini, maka kesahan sesuatu data agak sukar untuk dipastikan. Malah kepelbagaiannya ini juga dipengaruhi oleh persepsi, pengetahuan dan pengalaman pakar. Sekiranya, penelitian ini dilakukan terhadap peristiwa sejarah atau fakta sejarah (yang tersurat), hal tersebut mampu menentukan kesahan sesuatu data. Sesuatu data yang diterima diteliti dengan fakta sejarah yang benar (yang tersurat). Justeru, fakta sejarah yang benar boleh menjadi salah satu indikator bagi menentukan kesahan sesuatu data.

Indikator logik akal dan penelitian yang mendalam serta uji kaji secara empirikal

Data yang sah ialah data yang dibuktikan dengan penelitian yang mendalam atau uji kaji secara empirikal. Terdapat banyak dalil yang meminta manusia menggunakan akal fikiran dan membuat penelitian bagi menambah keyakinan dan kebenaran dalam hati. Allah meminta manusia untuk berfikir dan membuat penelitian yang mendalam. Melalui proses tersebut, kebenaran dapat dijelaskan lagi dengan sejelas-jelasnya.

Dalam konteks kesahan data, penelitian yang mendalam merujuk kepada penghujahan yang kukuh dan mendalam daripada pelbagai sumber yang berautoriti. Manakala melakukan uji kaji secara empirikal khususnya bagi kajian yang bersifat kuantitatif dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) sebagai contoh.

Jadual 2: Rumusan Indikator Kesahan Data Yang Berasaskan Indikator Kebenaran Dalam Islam

Bil.	Indikator Kebenaran Dalam Islam	Bil.	Indikator Kesahan Data Berasaskan Indikator Kebenaran Dalam Islam
1.	Keadilan	1.	Responden yang adil
		2.	Penulis ⁵⁵ yang adil
		3.	Penyelidik ⁵⁶ yang adil
2.	Kepakaran	1.	Responden yang pakar
		2.	Penulis yang pakar
3.	Sumber asal	1.	Penyelidik berjumpa secara langsung dengan penulis atau mempunyai komunikasi peribadi (personal communication) dengan penulis
4.	Bukti atau dalil	1.	Data yang berbentuk ilmu bersumberkan daripada al-Qur'an dan al-Sunnah dan tidak bercanggah dengan al-Qur'an dan al-Sunnah

⁵⁵ Penulis dalam jadual 2 merujuk kepada penulis dokumen-dokumen seperti kitab, buku, jurnal, kertas kerja, tesis dan sebagainya.

⁵⁶ Penyelidik dalam jadual 2 merujuk kepada golongan yang melakukan penyelidikan, khususnya penyelidik Muslim. Walaubagaimana pun bagi penyelidik yang bukan Muslim, mereka masih boleh memenuhi indikator ini dengan bersifat amanah dan jujur dalam merekod dan menganalisis data.

- | | | | |
|----|--|----|--|
| 2. | Data mempunyai sandaran | | |
| 3. | Data yang berbentuk ilmu mempunyai rujukan daripada pandangan ulama yang muktabar dan golongan yang berautoriti. | | |
| 5. | Penggunaan akal yang berasaskan al-Qur'an dan al-Sunnah | 1. | Data tidak bercanggah dengan Qiyas |
| 6. | Ijma' | 1. | Data tidak bercanggah dengan Ijma'. |
| 7. | Fakta Sejarah yang Benar | 1. | Data tidak bercanggah dengan fakta sejarah yang benar |
| 8. | Logik akal serta penelitian yang mendalam serta uji kaji empirikal | 1. | Data dibuktikan dengan penelitian yang mendalam atau uji kaji secara empirikal |

PENUTUP

Secara kesimpulannya, 13 indikator kesahan data yang dibina berdasarkan indikator kebenaran dalam Islam boleh diaplikasikan pada dua keadaan. Pertama, 13 indikator kesahan data ini boleh menentukan sesuatu data yang diperolehi itu sah atau tidak mengikut perspektif Islam. Kedua, 13 indikator ini boleh mendapatkan dan menghasilkan data yang sah khususnya bagi penyelidikan berkaitan Islam.

BIBLIOGRAFI

- `Abdul Rahman Bin Nasir al-Sa`di. (2000). *Taisir al-Karim fi Tafsir Kalam al-Manan* (Vol. 1). t.t: Muassasah al-Risalah.
- `Ali Bin Muhammad al-Khazin. (t.t). *Lubab al-Ta'wil Fi Ma`ani al-Tanzil*.
- `Ali Bin Muhammad al-Mawardi. (1994). *al-Hawi Fi Fiqh al-Syafi`i* (Vol. 17). Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Abdul Fattah Abu Ghuddah. (2009). *Rasulullah Pendidik Terulung: 40 Teknik Rasulullah Mengajar (al-Rasul SAW al-Mua'llim wa Asalibuhu Fi Ta'lîm)* (S. Mahmud, Trans. 2 ed.). Seremban: Al-Azhar Media.
- Abu Hayyan al-Andalusi. (1420 H-a). *al-Bahr al-Muhit fi al-Tafsir* (Vol. 9). Beirut: Dar al-Fikr.
- Abu Hayyan al-Andalusi. (1420 H-b). *al-Bahr al-Muhit fi al-Tafsir* (Vol. 1). Beirut: Dar al-Fikr.
- Abu Ishaq al-Huwaini. (t.t). Syarah Sahih al-Bukhari. Retrieved 8 Januari 2014 5.05 pm, from <http://shamela.ws/index.php/book/2082>
- al-Azim Abadi. (1415H). `Awn al-Ma`bud Syarh Sunan Abi Daud (2 ed. Vol. 9). Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Amar Bin `Abdullah al-Muqbil. (2010). Kaedah: Fasalu ahl al-Zikr In Kuntum la Ta`lamun. Retrieved from <http://almoslim.net/node/126966> website:
- H. Ramayulis. (2012). *Sejarah Pendidikan Islam: Perubahan Konsep, Filsafat dan Metodologi dari Era Nabi SAW Sampai Ulama Nausantara* (1 ed.). Jakarta: KALAM MULIA.
- Harun Yahya. (2006). *Bagi Golongan Yang Berpemikiran* (Syed Mahadzir Syed Onn, Trans.). Kuala Lumpur: Saba Islamic Media.
- Isma'il Raja Al Faruqi. (2014). *Al Tawhid: Kesannya Terhadap Pemikiran dan Kehidupan* (Unit Terjemahan Modal Perangsang Sdn. Bhd., Trans. 5 ed.). Selangor: Thinker's Library.
- Ismail Bin Kathir al-Dimashqi. (1419H). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* (1 ed. Vol. 7). Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Jamal Badi, & Mustapha Tajdin. (2005). *Creative Thinking: An Islamic Perspective* (2 ed.). Selangor: International Islamic University Malaysia.
- M. Umer Chapra. (2010). *Peradaban Muslim: Penyebab Keruntuhan & Perlunya Reformasi* (Ikhwan Abidin Basri, Trans. 1 ed.). Jakarta: AMZAH.
- Mohammad Aizat Jamaludin, Mohd Anuar Ramli, & Mohd Mahyeddin Mohd Salleh. (2013). *Pendekatan Integratif dalam Kajian Hukum Islam: Aplikasi Terhadap Kadar Alkohol yang Dibenarkan Dalam Makanan dan Minuman*. Paper presented at the The 7th ISDEV International Islamic Development Management Conference, Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Abdul Rahman al-Mubarakfuri. (t.t). *Tuhfah al-Ahwazi bi Syarh Jami` al-Tirmizi* (Vol. 6). Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Muhammad al-Amin Bin Muhammad al-Mukhtar al-Syanqiti. (1995). *Adwa' al-Bayan Fi Idah al-Qur'an bi al-Qur'an* (Vol. 6). Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad Amin Bin Muhammad al-Syanqithi. (1995). *Adhwa' al-Bayan Fi Idhah al-Qur'an bi al-Qur'an* (Vol. 7). Lubnan Dar al-Fikr.
- Muhammad Bin `Ali al-Syawkani. (1414 H). *Fathu al-Qadir* (Vol. 3). Damsyik: Dar Ibn Kathir.
- Muhammad Bin Ahmad al-Qurtubi. (2003). *Al-Jami` li Ahkam al-Qur'an* (Vol. 2). Riyad: Dar `Alam al-Kutub.

- Muhammad Bin Ali al-Syawkani. (1999). *Irsyad al-Fuhul Ila Tahqiq al-Haq Min `Ilm al-Usul* (1 ed. Vol. 2). t.t: Dar Kutub al-`Arabi.
- Muhammad Bin Syamsiddin al-Qurtubi. (2003). *al-Jami` li al-Ahkam al-Qur'an* (Vol. 10). Riyadh: Dar al-`Alam al-Kutub.
- Muhammad Mutawalli al-Sya`rawi. (t.t). Tafsir al-Sya`rawi. Retrieved 14 Februari 2014, from shamaela.wa/index.php/book/1083
- Muhammad Syukri Salleh. (2011). *Aliran Pemikiran Ekonomi Islam Melayu*. Paper presented at the Konferensi Internasional Islam di Alam Melayu dengan Tema "Jaringan Islam di Alam Melayu: Masa Lalu, Masa Kini dan Masa Depan", Gedung Merdeka Bandung, Indonesia.
- Publication Manual of the American Psychological Association. (2014). <http://www.apastyle.org/> 6. Retrieved 13 Mei 2014, 2014
- Radieah Binti Mohd Nor. (2014). *Asas-Asas Pengurusan Kemiskinan Era Pemerintahan Khalifah Umar Bin Abdul Aziz*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang diserahkan kepada Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia, Tidak diterbitkan.
- Ridzuan Ahmad. (2012). *Fiqh Imam Syafie* (3 ed.). Selangor: PTS MILLENNIA SDN. BHD.
- Sihab al-Din Mahmud Bin `Abdullah al-Alusi. (1415 H). *Ruh al-Ma`ani Fi al-Tafsir al-Qur'an al-'Azim* (1 ed. Vol. 4). Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Umar Abdullah Kamil. (2005) Kalimah Hadiah Fi Tabarruk. *Silsilah Mafahim Tajibu an Tusahih: Vol. 7* (pp. 391). Mesir: Dar al-Mustafa.
- Wahbah al-Zuhaili. (1999). *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh* (2 ed.). Damsyik: Dar al-Fikr.
- Yusuf al-Qaradawi. (2000). *Sunnah: Sumber Ilmu dan Peradaban* (Muhammad Firdaus, Trans. 1 ed.). Selangor: International Institute of Islamic Thought.
- Zakaria Bahari. (2012). *Dekolonisasi Pendidikan Dalam Disiplin Ekonomi Islam*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Dekolonisasi Pendidikan, Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara.